

# Dirotan guru perkara biasa

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**  
pengarang@utusan.com.my

PENGALAMAN dirotan sewaktu bersekolah dahulu adalah detik yang tidak akan dilupakan oleh Mufti Pahang, Datuk Seri Dr. Abdul Rahman Osman dan kerana ketegasan guru pada waktu itu menjadikannya sebagai seorang insan berdisiplin serta berguna.

Abdul Rahman berkata, beliau masih mengingati sewaktu bersekolah di Sekolah Kebangsaan (SK) Bandar Temerloh, Pahang, setiap guru pasti mempunyai sebatang rotan.

“Jika ada murid tidak boleh membaca jawi, guru akan merotan murid berkenaan, saya juga pernah dirotan.

“Ketegasan guru itu membuatkan kami berhati-hati dan memantapkan pembacaan jawi semasa di rumah sebelum ke sekolah dan akhirnya kami boleh membaca tulisan jawi,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di pejabatnya di Masjid Negeri Sultan Ahmad Satu di Kuantan baru-baru ini.

Abdul Rahman berkata, semasa beliau melanjutkan pengajian di peringkat menengah di Madrasah Aljunied Al-Islamiaiah, Singapura.



“Sedangkan martabat seorang guru itu cukup tinggi dan guru adalah insan yang diberikan penghormatan oleh Allah SWT dan Rasulullah, jadi kita perlu hormat dan jangan melawan guru.”

**ABDUL RAHMAN OSMAN**



**ABDUL RAHMAN OSMAN** (dua dari kiri) ketika melanjutkan pengajian di peringkat menengah di Madrasah Aljunied Al-Islamiaiah, Singapura.

miah Singapura, rotan turut digunakan guru di situ untuk mendisiplinkan pelajarinya.

“Guru di Singapura tegas. Mereka rotan pelajar tetapi kita hormat mereka bukan takut kerana mereka merotan bukan untuk mencederakan tetapi menjadikan kita pelajar berjaya.

“Di Singapura, kami perlu menghafal ayat al-Quran. Jika tidak pandai, kami pasti akan dirotan. Begitu juga dalam pembelajaran bahasa Arab, mana-mana yang tidak mahir akan dirotan dan akhirnya ketegasan itu membolehkan pelajar mahir

dalam hafazan dan berbahasa Arab,” katanya.

Menurutnya, pada waktu itu, pelajar di situ cukup sayang dan hormat dengan guru walaupun dirotan kerana dengan cara tersebut melahirkan insan berdisiplin serta berakhlak mulia.

“Berbeza dengan zaman ketika ini yang mana murid dan pelajar tidak boleh dirotan yang akhirnya mereka bukan sahaja tidak takut malah tiada rasa hormat kepada guru.

“Sedangkan martabat seorang guru itu cukup tinggi dan guru adalah insan yang diberi-

kan penghormatan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya, jadi kita perlu hormat dan jangan melawan guru,” katanya.

Katanya, guru berperanan membentuk generasi, membangunkan ummah dan setiap manusia di dunia ini mendapat ilmu serta kepakaran semuanya bermula daripada insan yang bergelar guru.

“Besarnya peranan guru dan dari segi agama Islam, guru memantapkan akidah umat. Jika kita tidak hormat guru, kita tidak bersyukur dengan sumbangan guru kepada kita,” katanya.



## SELAMAT BERSARA

GURU Pendidikan Seni Visual, Julia Abu Bakar (tiga dari kiri) dan guru, Khairunisa Abd. Kadir (dua dari kanan) menerima sejambak bunga daripada pelajarinya dalam Majlis Hari Guru dan Persaraan Guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Saujana Impian Kajang, Selangor, baru-baru. - UTUSAN/ ZULFAIZ ZAKARIA

**Sekiranya anda mempunyai momen indah bersama guru, sila kongsi dengan cara:**

1. Muat naik gambar ke akaun Instagram peribadi anda.
2. Sertakan kapsyen menarik tentang guru anda. Kapsyen wajib menggunakan bahasa Malaysia dan tidak lebih daripada 20 patah perkataan.
3. Wajib menggunakan hashtag: *#terimakasihikgu*
4. DM/Private Message maklumat (Nama, Umur, Telefon, E-mel dan Kawasan Kediaman) ke Instagram: *Utusan Online*
5. Pastikan akaun Instagram anda tidak diprivasi.



KUMPULAN  
UTUSAN

*#Terima Kasih Cikgu*